

adu@metro

aduanhm@mediaprima.com.my



SETIAP SELASA

Kemukakan kemelut dan aduan anda ke aduanhm@mediaprima.com.my
Anda juga boleh menghubungi nombor di bawah dengan mengemukakan nama penuh, alamat dan nombor telefon. Komen akan disiarkan setiap Selasa.



KL 03-20569777

SHAH ALAM 03-78452505

PUTRAJAYA 03-88811903

Bantuan OKU

■ Permohonan masuk institusi boleh dibuat di pejabat JKM terdekat

? Saya ada seorang anak saudara orang kurang upaya (OKU) yang menerima bantuan bulanan sebanyak RM150.

Dia cacat mental sejak kecil dan bersekolah setakat sekolah rendah, itu pun tidak tamat dan tidak pernah bekerja dan sehingga kini usianya mencecah 30-an.

Dia makan ubat setiap hari untuk penyakit mental yang dibekalkan hospital kerajaan untuk sepanjang hayat.

Adakah kerajaan menyediakan tempat untuk OKU ini kerana ibu bapanya sudah tiada dan kedua mengapa bantuan bulanan kerajaan yang diberikan tidak selaras seperti untuk ibu tunggal RM300, manakala OKU hanya RM150 saja?

Ismail Hassan
Petaling Jaya

! Penentuan kadar bantuan kewangan bagi OKU tidak bekerja berdasarkan keputusan

ketika pembentangan bajet tahunan mengikut kriteria yang ditetapkan JKM.

Bagi golongan OKU yang tidak mempunyai penjaga atau waris, boleh permohonan untuk memasuki institusi OKU di bawah JKM.

Permohonan kemasukan boleh dibuat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat di daerah masing-masing dan tertakluk kepada prosedur sedia ada.

Jurucakap
Bahagian Sosio Ekonomi dan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Gelandangan kotorkan persekitaran

? Dataran Menara Maybank, Jalan Tun Perak terus menjadi rumah sementara bagi pengemis dan gelandangan berehat tidak kira siang ataupun malam meskipun pelbagai operasi dijalankan sejak Ramadan lalu.

Kewujudan golongan ini bagi sesetengah orang amat merimaskan berikutan jumlah kehadiran mereka semakin bertambah terutama pada Ramadan dan Syawal.

Kebanyakan golongan yang tidur di kaki lima dan tembok sekitar menara bank itu adalah orang yang

Banyak dalam kalangan mereka adalah warga asing terutama dari Myanmar dan Vietnam, manakala selebihnya terdiri daripada rakyat tempatan.

Keadaan yang berlaku bukan saja mencacatkan pemandangan, malah turut menjadikan kawasan itu tidak terurus berikutan sampah seperti botol plastik minuman dan bekas makanan polistiren bersepah.

Azmi Saad
Kuala Lumpur

! Sebuah bangunan di Chow Kit dikenal pasti lokasi untuk dija-

dikan rumah perlindungan buat gelandangan di ibu kota.

Kami merancang mendapatkan beberapa unit dan tingkat dalam bangunan itu khas buat menempatkan mereka yang hidup secara gelandangan.

Bahagian bawah (bangunan itu) mungkin boleh buat perkhidmatan seperti rawatan kesihatan kerana kebanyakan mereka berdepan pelbagai penyakit.

Datuk Seri Ahmad Phesal Talib
Datuk Bandar Kuala Lumpur